

Pusat	Bilangan Panggilan (juta)	Bilangan Staf	Purata Masa Kendalian (saat)	% Panggilan Dijawab	% Panggilan Palsu
Seremban	2.6	15	14	100.0	99.0
Kota Bharu	2.3	15	12	100.0	99.0
KualaTerengganu	2.2	15	10	100.0	98.2
Kuantan	1.9	9	10	98.6	99.4
Kota Kinabalu	3.0	18	28	99.6	99.3
Alor Setar	3.2	19	28	99.1	98.3
Kluang	0.5	7	10	99.2	99.4
Jumlah	15.7	98	16	99.5	98.9

STATISTIK panggilan palsu 999 bagi tahun 2006

Menangani panggilan palsu

U.M M/S 3 30.10.07

PADA tahun 2006, dianggarkan sebanyak 98.9 peratus panggilan kecemasan diterima oleh perkhidmatan talian kecemasan sedia ada adalah panggilan palsu.

Malah kebanyakan panggilan palsu yang dibuat oleh pemanggil kanak-kanak sehingga menimbulkan kesulitan kepada operator.

Statistik panggilan 999 Telekom Malaysia Berhad (TM) bagi tahun 2006 menyaksikan 99.4 peratus panggilan palsu dicatatkan di daerah Kluang, Johor dan Kuantan, Pahang.

Ita diikuti Alor Setar, Kedah dan Kota Kinabalu, Sabah iaitu 99.3 peratus manakala Kuala Terengganu pula mencatatkan 98.2 peratus.

Pada tahun lalu 999 TM mencatatkan jumlah panggilan sebanyak 15.7 juta setahun.

Bagi panggilan 991 JPA3 pula pada tahun yang sama, sebanyak 486 panggilan palsu dicatatkan.

Butterworth, Pulau Pinang mencatatkan jumlah tertinggi iaitu 105 panggilan manakala Kota Bharu, Kelantan; Kuantan dan Temerloh, Pahang; Alor Setar, Kedah dan Kangar, Perlis masing-masing mencatatkan dua panggilan palsu.

Selain itu jenis panggilan main-main juga dicatatkan oleh JPA3 apabila Kuala Lumpur mencatatkan jumlah tertinggi iaitu 250,948 panggilan.

Bagi TM masalah panggilan palsu bukan perkara baru dalam menerima panggilan kecemasan daripada pemanggil.

Jurucakap TM menjelaskan, pihaknya menerima pelbagai panggilan palsu yang mencatatkan sebanyak 98.9 peratus.

Katanya, bagaimanapun hanya satu peratus sahaja yang merupakan panggilan kecemasan sebenar.

Bagi meningkatkan operasi TM dalam mengendalikan talian 999 ini, seramai 138 operator ditempatkan di bawah talian itu dalam memberi per-

khidmatan pelanggan kepada masyarakat.

Katanya, operator yang bertanggungjawab dalam mengambil panggilan kecemasan telah diberi latihan secukupnya bagi menangani panggilan palsu.

Tambahnya, mereka boleh membezakan yang mana satu panggilan palsu dan panggilan sebenar kerana pengalaman lalu telah membawa banyak panduan bagi menangani masalah itu.

Justeru, langkah kerajaan mewujudkan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 bagi menangani isu panggilan palsu dapat memberi kesedaran dan pengajaran kepada segelintir masyarakat yang tidak bertanggungjawab.

Kempen kesedaran yang akan dilaksanakan tidak lama lagi mampu mendidik pengguna supaya menggunakan talian kecemasan 999 dengan bijak dalam memastikan bantuan disalurkan segera.

Usaha sedemikian wajar dilakukan supaya masyarakat khususnya kanak-kanak dan remaja tidak menyalahgunakan kemudahan tersebut kerana ia akan menimbulkan kesulitan kepada pemanggil yang benar-benar mahu membuat panggilan kecemasan.

Jika dilihat talian kecemasan di luar negara, mereka telah diberi penerangan tentang kepentingan talian tersebut.

Kempen kesedaran yang dijalankan perlu dilakukan secara berterusan supaya masyarakat menyedari kehadiran talian 999 disamping tidak menyalahgunakannya bagi tujuan lain.

Dengan hanya satu talian, ia dapat menyelamatkan harta benda dan nyawa manusia yang memerlukan pertolongan atau bantuan ketika berlaku kecemasan.

Sesungguhnya langkah tersebut akan melahirkan masyarakat prihatin dalam menangani pelbagai perkara atau kejadian yang berlaku di tempat tertentu.

myGovernment
Portal Rasmi Kerajaan Malaysia



Untuk Berurusan Dengan Kerajaan
Secara Online

www.gov.my

680 Perkhidmatan Online Disediakan...



1 Klik www.gov.my

2 Pilih jenis perkhidmatan

Contoh-contoh Perkhidmatan Yang Boleh Diperolehi

Warganegara	Kerajaan	Peniaga	Bukan Warganegara
<ul style="list-style-type: none">Bayaran Balik PinjamanBayaran Cukai TaksiranBayaran SamanBayaran Bil Elektrik, Air dan TelefonPermohonan Pinjaman PelajaranPermohonan Jawatan KosongTempahan Kemudahan AwamPembaharuan Lesen Memandu	<ul style="list-style-type: none">Pendaftaran Projek PengkomputeranPengiraan Bayaran Pencen, Gajaran Dan Gantian Culi Rehat bagi Persaraan WajibPermohonan Peperiksaan Perkhidmatan AwamSemakan Baki Pinjaman PerumahanSiber Kaunseling Jabatan Perkhidmatan Awam	<ul style="list-style-type: none">Permohonan Lesen Import (AP) KenderaanPendaftaran PerniagaanPermohonan Status Kontraktor BumiputeraPermohonan Pendaftaran Pemaju PerumahanPermohonan Lesen Perkapalan DomestikSewaan Premis Perniagaan MARACarian Status Kebankrapan	<ul style="list-style-type: none">Permohonan Malaysia My Second HomePermohonan Visa Pelawat Dari Shanghai dan Guangzhou (China), dan New Delhi dan Chennai (India)Permohonan Visa Pelajar Warga Asing